

SURAU AR-RAUDHAH (SEMENTARA)

TAMAN MELAKA PERDANA

Kepada :
Penduduk Taman Melaka Perdana

5 Muharram 1438
6 Oktober 2016

Assalamualaikum Tuan/Puan,
Salam Perkenalan.

Mudah-mudahan anda dan ahli keluarga anda berada dalam kesihatan yang baik ketika menerima surat ini. Seperti yang telah sedia maklum (melalui laman web surau : <https://arraudhahtmp.wordpress.com> atau Whatsapp Group) surau sementara kita ini (Surau Ar-Raudhah) telahpun mendapat kebenaran untuk beroperasi di rumah No.31, Jalan MP 2, Taman Melaka Perdana (Fasa 1) sehinggalah pembangunan sebuah Surau tetap dapat dibina.

Justeru, pihak kami berhasrat menyusun beberapa aktiviti yang akan dapat memanfaatkan penduduk taman secara amnya dan penduduk muslim secara khususnya. Walaubagaimanapun, keperluan untuk mendapatkan maklumat@data penduduk perlulah dibuat bagi melancarkan aktiviti2 yang di sebut tadi.

Maka, bersama dengan surat ini ialah borang "bancian" (BORANG A) yang kami pohon untuk pihak Tuan/Puan dapat penuhi, agar suatu data kolektif tentang penduduk taman ini dapat dibangunkan. Mudah-mudahan dengan adanya data ini, selain membantu untuk melancarkan aktiviti-aktiviti dapatlah juga kita berkenal-kenalan dan membina kejiranan yang mesra.

Dalam masa yang sama, pihak kami ingin mengadakan program "Teen Camp" pada cuti perayaan Deepavali yang akan datang ini. Kertas kerja telahpun dibentangkan oleh pengarah program iaitu Dr.Luqman (019-2366747), namun sekali lagi ketiadaan data penduduk (keluarga) membataskan keputusan-keputusan yang ingin dibuat. Walaubagaimanapun, bersama dengan surat ini ,kami sertakan juga BORANG B , bagi mereka yang berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke program tersebut. Objektif program yang santai ini ialah untuk membina silaturrahim antara anak-anak dan orang dewasa penduduk taman dan dalam masa yang sama untuk mengajak mereka mencintai Surau dan majlis ilmu. Sudilah kiranya Tuan/Puan mengisi borang tersebut. Sebarang maklumat , bolehlah merujuk kepada Whatsapp Group atau terus bertanya kepada Dr.Luqman.

Akhir , borang-borang ini boleh dipulangkan ke Surau (terus) atau kepada wakil-wakil di bawah :

- 1 Surau Ar-Raudhah (No.31, Jalan MP 2)
- 2 Faizul Hilmy Bin Mohamad Zaki (No.9, Jalan MP 1) - Fasa 1
- 3 Muhammad Nurkhairunizam Bin Yazid (No.26, Jalan TMP 4) - Fasa 2

Sebelum 10 Oktober 2016 (Isnin) ini.

Sekian, Wassalam

Yang benar ,

PM Burhanuddin Mohd. Aboobaidar
Pengerusi Jawatankuasa Surau Ar-Raudhah,
Taman Melaka Perdana.

Borang A (Bancian Penduduk)5 Muharram 1438
6 Oktober 2016

Alamat Rumah	Fasa 1
	Fasa 2

No. Talipon 1		No. Talipon 2	
----------------------	--	----------------------	--

Butiran Keluarga					
Bil	Nama	Umur	Tinggal Bersama		Lain-lain (※)
1			Ya	Tidak	
2			Ya	Tidak	
3			Ya	Tidak	
4			Ya	Tidak	
5			Ya	Tidak	
6			Ya	Tidak	
7			Ya	Tidak	
8			Ya	Tidak	
9			Ya	Tidak	
10			Ya	Tidak	
11			Ya	Tidak	

※ Jika anda menyewa sahaja, atau ada ahli keluarga lain (ibu@ayah@saudara) yang tinggal bersama anda, atau apa saja makluman yang dirasakan perlu, sila isikan di ruang ini.

Borang B (Pada Menyatakan Minat)5 Muharram 1438
6 Oktober 2016

Kami, (nama+alamat) _____,
berminat untuk menghantar anak-anak kami :

Bil	Nama	Umur	Sekolah
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

ke program "Teen Camp" , anjuran Surau Ar-Raudhah ,Taman Melaka Perdana.